PEMANDU BERPERANAN PASTIKAN FLEET SELAMAT

JILID 4 | OKT - DIS 2013

SPANCO

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

12

IMPAK NEGATIF AKIBAT KECUAIAN

06

PUSAT SERVIS PROFESIONAL SPANCO... PENDOKONG KEPUASAN PELANGGAN

14

PROTON PREVÉ BUKTI GABUNGAN KECEKAPAN TEKNOLOGI PROTON

18

PULAU-PULAU DI TERENGGANU

ISSN 1675-1361

9 771675 136103

PP 10548/08/2012(030458)

prihatin

sentiasa bersama mu

jilid 4 | Okt - Dis 2013

MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG
Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG
Peter Lim
Shaheeran Jalalludin
Rusman Bassri

PENERBIT
SPANCO Sdn Bhd *(172957-U)*
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel 03-6192 8888
Faks 03-6192 8999
emel *prihatin@spanco.com.my*
web *www.spanco.com.my*
Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK
Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian
Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
Tel 03-8941 4013
Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN
Executive Mode Sdn Bhd *(317453-P)*

SEKILAS MINDA

03 Terima Kasih 2013 Kerana Terus Menjadikan Kami Yang Terbaik Di Arena Fleet Kenderaan

KATA MEREKA

04 YBhg Dato' Haji Zainul Abidin Bin Taib: Ingin Memartabatkan Jabatan Kastam Ke Arah Lebih Produktif & Efektif

SERVIS ITU PENTING!

06 Pusat Servis Profesional SPANCO... Pendokong Kepuasan Pelanggan

08 Kenali 'Tulang Belakang' Di Sebalik Servis Cemerlang Di Pusat Servis Wilayah SPANCO

YANG PERLU ANDA TAHU

10 Eksekutif Akaun SPANCO Sentiasa Sedia Berkhidmat Untuk Anda!

12 Impak Negatif Akibat Kecuaian

PERSADA INOVASI

14 Proton Prevé Bukti Gabungan Kecekapan Teknologi Proton

MERAKAM CATATAN

16 Penyerahan Kenderaan Kepada Pegawai Penyiasat PDRM

16 Lawatan Dari Jabatan Pertanian Kelantan Ke Pusat Servis Wilayah Bangi Pada 30 Oktober 2013

17 Mengerat Silaturahim Bersama-Sama Keluarga SPANCO Di A'Famosa Resort, Melaka

17 Sumbangan Kepada Bekas Rakan Sekerja SPANCO, Encik Jamrus Bin Mohd Hussain

LIBUR DESTINASI

18 Pulau-Pulau Di Terengganu

BICARA SIHAT

20 Kanser: Cegah Sebelum Terlewat!

PILIHAN SERVIS ANDA

22 Kedah & Perlis

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

TERIMA KASIH 2013

KERANA TERUS MENJADIKAN KAMI YANG TERBAIK DI ARENA FLEET KENDERAAN

SEDAR tak sedar kita sudah melepasi 2013. Satu lagi tahun penuh cabaran yang telah kita tempuh dengan jayanya. Syabas kepada rakan sekerja SPANCO yang begitu dedikasi dan komited terhadap setiap tugasan dan tanggungjawab yang diberi.

Berkat usaha anda bersama-sama kepercayaan pelanggan, kita telah berjaya meningkatkan jumlah fleet kepada hampir 10,300 unit kenderaan pada tahun 2013. Malah, dengan jumlah tenaga kerja yang sama, kita berjaya mengekalkan perjanjian tahap perkhidmatan (SLA) sekali gus memastikan kepuasan pelanggan sebagai tunggak utama syarikat.

Cabaran berhadapan dengan masalah kemalangan dan kes-kes yang mengganggu penggunaan merupakan salah satu tugas getir yang terpaksa dihadapi dari setahun ke setahun. Walaupun kita menjangkakan masalah ini akan meningkat pada tahun 2014, saya berjanji SPANCO akan terus berusaha memastikan pelanggan terus menikmati perkhidmatan yang terbaik dari kami.

Dalam usaha memastikan pelanggan dan pengguna sentiasa dilindungi walau di mana sahaja mereka berada, 10 lagi Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Semenanjung Malaysia telah dilantik. Ini menjadikan rangkaian PSD pada 204 buah kesemuanya.

Kami juga telah menerima penggantian model Perdana baharu yang telah pun diterima pada penghujung tahun lalu. Semoga penggantian ini akan meningkatkan lagi tahap kepuasan pelanggan.

Sehubungan itu, kami berharap tahun 2014 akan membawa lebih kecemerlangan kepada SPANCO dalam memikul amanah yang diberikan untuk menguruskan lebih banyak fleet kenderaan Kerajaan Persekutuan. Tentunya azam untuk terus berada di tahap terbaik akan sentiasa disemat sekali gus berusaha untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan kepada semua pelanggan.

PETER LIM
Pengarah Eksekutif

YBHG DATO' HAJI ZAINUL ABIDIN BIN TAIB

INGIN MEMARTABATKAN JABATAN KASTAM KE ARAH LEBIH PRODUKTIF & EFEKTIF

SEGALANYA secara tidak sengaja, walaupun pada awalnya beliau berkelulusan dalam bidang pendidikan namun rezekinya lebih kuat di Jabatan Kastam dan sehingga kini sudah 32 tahun beliau berkhidmat di Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Satu setengah tahun berada di bahagian akaun dan selebihnya beliau menjalankan tanggungjawab di bahagian penguatkuasaan. YBhg Dato' Haji Zainul Abidin bin Taib, Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bukanlah nama asing di jabatan ini, walaupun tegas dalam menjalankan tugas namun sikapnya yang suka berjenaka menjadikan beliau sentiasa disayangi oleh anak-anak buahnya.

"Semangat setiakawan dan kerja berpasukan sangat tinggi di kalangan pegawai dan kakitangan di bahagian Penguatkuasaan. Ini sangat penting kerana setiap kami sangat memerlukan dan saling bergantung antara satu sama lain semasa menjalankan tugas yang kadang kala berisiko," jelas anak kelahiran Kelantan yang berkelulusan Universiti Malaya dalam jurusan Sastera ini.

Baginya, cabaran luaran paling getir ialah apabila terpaksa berhadapan dengan penyeludup tegar yang kebanyakannya bergiat di dalam aktiviti penyeludupan dan dipercayai berkait rapat dengan *syndicated crime*. Beberapa insiden telah berlaku di mana sememangnya mencabar kebolehan pegawai kastam masa kini.

"SPANCO juga boleh memainkan peranan besar dalam menyediakan perkhidmatan bermutu tinggi dengan membekalkan kereta kalis peluru kepada penjawat-penjawat awam yang berisiko tinggi seperti Kastam, PDRM dan tentera. Saya berharap agar kerajaan dapat membekalkan kereta kalis peluru dan bercermin gelap kepada pegawai-pegawai ini bagi tujuan keselamatan," tegasnya yang juga berhadapan dengan cabaran dalaman yang pelbagai selain mensasar bagi membentuk Pegawai Penyiasat yang lebih efektif.

Menurutnya, sepanjang menggunakan kereta yang dibekalkan oleh SPANCO, beliau tidak menghadapi sebarang masalah enjin mahupun kotak gear apabila menggunakan Proton Perdana.

SPANCO JUGA BOLEH MEMAINKAN PERANAN BESAR DALAM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BERMUTU TINGGI DENGAN MEMBEKALKAN KERETA KALIS PELURU KEPADA PENJAWAT-PENJAWAT AWAM YANG BERISIKO TINGGI SEPERTI KASTAM, PDRM DAN TENTERA.

"SERVIS BERJADUAL AMAT PENTING DAN SAYA TIDAK MAHU KERETA ROSAK DI TENGAH JALAN AKIBAT PENYENGGARAAN DIABAIKAN. APATAH LAGI, TUGAS KAMI MEMERLUKAN UNTUK SENTIASA BERSEDIA 24 JAM. JUSTERU, NOTIS PERINGATAN SERVIS YANG DIHANTAR OLEH SPANCO SANGAT MEMBANTU. SETIAP KALI DAPAT *SERVICE REMINDER*, SAYA PASTI AKAN SEGERA BERITAHU PEMANDU SAYA UNTUK HANTAR KERETA KE PUSAT SERVIS BAGI MENJALANI SERVIS BERJADUAL."

Malah, beliau telah mengambil keputusan untuk membeli kereta tersebut di bawah skim pembelian kereta sebelum persaraan.

"*I am considered very lucky*. Sebelum menggunakan Proton Inspira, saya telah menggunakan Proton Perdana Standard 2.0 sejak 2009. Bukan nak puji Proton atau SPANCO, tetapi saya tahu kereta itu bagus. *I speak from the heart*. Dari segi perkhidmatan SPANCO, saya tiada aduan. Tambah lagi Jabatan Kastam mempunyai hubungan baik yang sedia terjalin bersama SPANCO," ujar bapa kepada enam orang cahaya mata ini.

Menggunakan Proton Inspira juga tidak memberi masalah kepadanya kerana dari segi prestasi, ia lebih berkuasa. Namun beliau lebih menitikberatkan keperluan keselesaan, servis dan penyenggaraan. Baginya kereta perlu diservis mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kerosakan atau perkara yang tidak diingini semasa menjalankan tugas.

"Servis berjadual amat penting dan saya tidak mahu kereta rosak di tengah jalan akibat penyenggaraan diabaikan. Apatah lagi, tugas kami memerlukan untuk sentiasa bersedia 24 jam. Justeru, notis peringatan servis yang dihantar oleh SPANCO sangat membantu. Setiap kali dapat *service reminder*, saya pasti akan segera beritahu pemandu saya untuk hantar kereta ke pusat servis bagi menjalani servis berjadual," jelasnya yang juga mempunyai ijazah di dalam bidang undang-undang (LLB) dari UiTM.

Selepas bersara, YBhg Dato' Haji Zainul Abidin juga berhasrat ingin membuka firma guaman bersama rakan kongsi dan menumpukan kepada litigasi bagi melebarkan lagi pengalamannya di dalam bidang undang-undang yang diperoleh semasa menjalankan tugasan sebagai Pegawai Pendakwa Kastam dahulu. Sebelum menjadi Penolong Ketua Pengarah, beliau adalah Pegawai Pendakwa Kastam dan telah mengambil inisiatif untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang undang-undang bagi melengkapkan diri dalam memikul tanggungjawab tersebut.

PUSAT SERVIS PROFESIONAL SPANCO... PENDOKONG KEPUASAN PELANGGAN

DI SPANCO, mutu dan kepakaran menjadi prinsip asas dalam memberikan khidmat cemerlang kepada pelanggan. Setiap kenderaan yang diservis di Pusat Servis SPANCO akan dipantau dan disenggarakan oleh tenaga pakar yang efisien lagi profesional. Pelanggan tidak perlu risau tentang keselamatan semasa pemanduan kerana kenderaan diservis dengan sempurna, pada tahap penyenggaraan maksimum.

Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan Bangi serta 204 lagi pusat servis yang diiktiraf (PSD) di seluruh negara adalah pendokong utama yang memberi khidmat yang cekap, pantas dan diyakini kepada semua pelanggan SPANCO.

PSW Batu Caves dibuka pada 2005 dan dibina bagi memenuhi piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan dan setanding dengan mana-mana pusat servis kenderaan moden lain di negara ini. Dilengkapi 30 petak servis dan kemudahan pembaikan automotif terkini yang dikendalikan oleh tenaga mahir lagi berpengalaman, ia berupaya mengendalikan 90 khidmat servis biasa setiap hari.

PSW Batu Caves juga bagai mercu SPANCO apabila bertindak sebagai ibu pejabat sekali gus nadi pengurusan fleet profesional. Ia bukan sekadar pusat servis malah sebuah pusat sehenti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung.

*Gagah berganding bahu. Pengurus Cawangan, **Tuan Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim** (tengah, seragam putih) bergambar bersama juruteknik dan mekanik-mekanik yang bertugas di PSW Bangi.*

PUSAT SERVIS WILAYAH BANGI

Terbaru, PSW Bangi satu lagi mercu kemegahan SPANCO yang dibuka secara rasmi pada 2012. Ia dibina bagi memenuhi keperluan fleet kenderaan Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, apatah lagi dengan jarak perjalanan yang hanya mengambil masa kira-kira 10 minit dari Pusat Pentadbiran Putrajaya memberikan kelebihan kepadanya untuk menyediakan kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan.

Sama seperti PSW Batu Caves, PSW Bangi turut menyediakan ruang servis yang lebih luas, bersih dan selesa serta dilengkapi peralatan canggih, termaju malah mesra alam. Ia mempunyai 24 petak servis dan berupaya melakukan kapasiti 90 servis setiap hari.

Peralatan/kelengkapan	Jumlah petak
Electromechanical 2-post baseless lifts	11 petak
Scissors hoist	2 petak
4-post hoist	1 petak
Kerja-kerja berkaitan pendawaian	2 petak
Servis tayar	4 petak di mana satu daripadanya dilengkapi *4-post hoist*
Pembaikan am	4 petak
Jumlah keseluruhan petak servis	24 petak

PERALATAN BERTEKNOLOGI CANGGIH YANG DIGUNAKAN DI PSW BANGI

Peranti angkut elektromekanik dengan 2 tiang tanpa tulang pada lantai (electromechanical 2-post baseless lifts) atau ringkasnya mesin angkut 2 tiang– membenarkan mekanik bergerak mudah dan pantas di dalam ruang servis. Sejumlah 11 petak servis dibina dengan alat ini.

Peranti angkut gunting elektrohidrolik berprofil rendah (elektrohydraulic scissors lifts) - hanya memerlukan ruang yang kecil untuk beroperasi, sambil membenarkan pergerakan mengangkat yang pantas dan sama rata. Terdapat 2 petak servis dengan mesin ini.

Mesin penyaman udara – untuk pengosongan dan pengisian semula gas penyaman udara yang cepat dan padat.

Pengimbang tayar berkelajuan tinggi – merangsang keadaan sebenar tayar dengan melakukan simulasi pemecutan di jalan raya.

Maklumat pengimbangan tayar yang jitu dipaparkan di atas skrin.

Alat Diagnostik Termaju PROTON atau PADT – bertindak sebagai pengesan, perakam dan pengenal pasti sistem elektronik kereta yang rosak juga untuk menguji penggerak kenderaan.

Sistem pengurusan minyak enjin berkomputer – satu sistem dispensi minyak terpusat yang melepaskan kuantiti minyak enjin yang diperlukan dengan tepat untuk penukaran minyak enjin sesebuah kereta.

Tangki 2000L lapisan berganda dilengkapi dengan pam pneumatik dan bermotor yang terbina di dalam untuk pemunggahan dan pelepasan cecair yang cepat dan bersih.

Panel pengawal terpusat yang disambungkan kepada komputer, akan melepaskan kuantiti minyak enjin yang diperlukan secara automatik dan diagihkan terus kepada petak servis. Cara ini sama seperti yang digunakan di stesen minyak dalam mengawal dan mengalirkan minyak kepada petak pam.

Tiga dalam satu – stesen ini membekalkan dispenser minyak pelincir, angin dan lampu dengan plag punca kuasa. Minyak enjin yang diminta melalui sistem pengurusan minyak enjin berkomputer akan disalurkan mengikut nombor petak servis ke stesen ini. Terdapat 4 unit stesen seperti ini di PSW Bangi di mana setiap satu dikongsi oleh dua petak servis yang bersebelahan.

Selain memiliki peralatan serba canggih dan berteknologi tinggi, ruang servis juga selesa dengan bumbung berpanel suria bagi pencahayaan semula jadi di samping setiap petak servis dilengkapi lampu tersendiri, menjadikan ia mesra alam dan menjimatkan.

KENALI 'TULANG BELAKANG' DI SEBALIK SERVIS CEMERLANG DI PUSAT SERVIS WILAYAH SPANCO

Barisan 'tulang belakang' di Pusat Servis Wilayah Batu Caves: Fomen, Chin Kim Keong (barisan hadapan, kiri), Zamzuri Abdul Hamid (tengah) dan Hashim Aziz (kanan) serta mekanik-mekanik yang bertugas di PSW Batu Caves.

SIAPAKAH SEBENARNYA YANG MENJADI 'TULANG BELAKANG' DI DUA PUSAT SERVIS WILAYAH (PSW) SPANCO? DI PSW BATU CAVES TERDAPAT 20 ORANG MEKANIK, EMPAT FOMEN DAN SEORANG PEMBANTU TEKNIKAL. MANAKALA PSW BANGI DITERAJUI OLEH 13 ORANG MEKANIK, TIGA FOMEN DAN SEORANG PEMBANTU TEKNIKAL. MARI KENALI DUA 'ORANG KUAT' SPANCO INI DAN BEBERAPA KAKITANGAN YANG LAIN.

RICHARD VELAYUTHAN | *Pengurus Woksyop di Pusat Servis Wilayah Batu Caves*

Pengurus yang berkemahiran tinggi dan sangat berbakat di dalam bidang automotif ini mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam kerja-kerja pembaikan, penyenggaraan, servis dan pengurusan dalam pelbagai jenis dan model kenderaan fleet. Menyertai SPANCO pada 1994, Richard yang mempunyai pelbagai sijil profesional dalam bidang automotif ini dinaikkan pangkat kepada pengurus cawangan di Sarawak dan kemudiannya menguruskan Pusat Panggilan 24 jam SPANCO. Hari ini, Richard adalah orang yang bertanggungjawab memastikan kelancaran dan keberkesanan operasi serta kemajuan dan kecekapan anggota pengurusan woksyop di PSW Batu Caves.

TUAN HAJI MOHD WAZIR AHMAD KASSIM

Pengurus Cawangan Bangi

Menyertai SPANCO pada 1997 sebagai jurutera pelatih dan hasil kerja kerasnya, Tuan Haji Wazir kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Pengurus Pusat Servis di PSW Batu Caves. Memiliki pengalaman empat tahun sebagai juruteknik di Silverstone Tyre & Co. Sdn Bhd, beliau juga berpendidikan kejuruteraan mekanikal dari Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan kemudiannya melanjutkan pengajiannya dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan elektronik; BTEC-HND Mechatronic di Solihull College, United Kingdom. Dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang automotif, Tuan Haji Wazir memegang jawatan sebagai Pengurus Cawangan dari 2008 sehingga hari ini yang mana beliau bertanggungjawab memastikan operasi harian di PSW Bangi berjalan dengan lancar.

YUSUF YAKOP

Fomen di Pusat Servis Wilayah Bangi

Berpengalaman selama 22 tahun dalam bidang pembaikan automotif, anak kelahiran Sungai Rambai, Melaka ini telah bersama SPANCO sejak 1995 lagi. Sebelum ini, beliau pernah menimba pengalaman membaiki kenderaan kontinental seperti Volvo dan Mercedes-Benz. Yusuf yang berkelulusan Institut Kemahiran Mara, Jasin, Melaka ini juga mempunyai kelulusan dari Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan atau MLVK Tahap Pertengahan. Selama 18 tahun bersama SPANCO, Yusuf merasakan tidak banyak tekanan yang terpaksa dihadapinya apatah lagi dengan kemesraan rakan-rakan yang dianggap seperti sebuah keluarga. Malah, kegembiraan dan kepuasan pelanggan apabila kereta mereka dapat diperbaiki dengan baik memberi impak kepuasan kepadanya dalam mengendalikan setiap kenderaan .

NASHARUDDIN AB MANAT | *Mekanik 1*

Lulusan Akademi Saga, Giat Mara dan memiliki MLVK Tahap 3, Nasharuddin menyertai SPANCO pada 2007. Sebelum ini beliau bertugas selama 11 tahun bermula dari EON Glenmarie, EON Ipoh dan kemudian EON Teluk Intan. Berusia 36 tahun, Nasharuddin berpengalaman 18 tahun sebagai mekanik. Minat yang mendalam dalam bidang pembaikan automotif mendorong beliau memilih bidang mekanik sebagai kerjayanya. Anak kelahiran Mersing, Johor ini sememangnya mempunyai keazaman yang tinggi untuk pergi lebih jauh dalam bidang ini sekali gus yakin dapat melaksanakan cita-citanya untuk menjadi fomen dan kemudian sebagai pembantu juruteknik di masa akan datang.

HAMIDI HAMDAN | *Mekanik 2*

Bertugas di Pusat Servis Wilayah Batu Caves, Hamidi mempunyai pengalaman lebih 16 tahun sebagai mekanik. Anak kelahiran Jengka, Pahang ini telah menyertai SPANCO sejak 2004 lagi. Sebelum ini, beliau bertugas di MBf-Peugeot selama lapan tahun yang mana beliau terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pemasangan hinggalah ke penyenggaraan dan pembaikan kereta. Baginya, teknologi yang semakin canggih dan pendawaian elektronik yang semakin rumit menjadikan kerja-kerja pembaikan kenderaan hari ini amat mencabar berbanding dahulu. Kerana itulah, menyelesaikan sesuatu kerosakan atau 'troubleshooting' pada sesebuah kenderaan adalah satu kepuasan kerja baginya.

EKSEKUTIF AKAUN SPANCO SENTIASA SEDIA BERKHIDMAT UNTUK ANDA!

EKSEKUTIF AKAUN MERUPAKAN ORANG PENTING DI BARISAN HADAPAN DALAM JABATAN KHIDMAT PELANGGAN DI SPANCO. MEREKA ADALAH PERANTARA DI ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN SPANCO DENGAN BERTINDAK MEMASTIKAN SEGALA KEPERLUAN YANG MEMBABITKAN PEMBEKALAN KERETA KEPADA PELANGGAN DIPENUHI SERTA DIURUSKAN DENGAN CEKAP LAGI LANCAR.

ROHANA ABDULLAH
Pejabat: 03-6192 8928
TB: +6019 276 7669
rohana@spanco.com.my

IBRAHIM ARSHAD
Pejabat: 03-6192 8927
TB: +6013 207 6409
Ibrahim@spanco.com.my

SYAMSUL IMRAN AMINUDDIN
Pejabat: 03-6192 8925
TB: +6019 322 9070
syamsul@spanco.com.my

AYMAN TAN ABDULLAH
Pejabat: 03-6192 8926
TB: +6012 212 5967
aymantan@spanco.com.my

MOHD AFFENDY ABU KASSAIM
Pejabat: 03-6192 8923
TB: +6019 368 9091
fendy@spanco.com.my

NORAZMI ABD SANI
Pejabat: 03-6192 8924
TB: +6016 615 2782
norazmi@spanco.com.my

Bil	Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Pegawai yang Perlu Dihubungi
1	Kementerian Belia dan Sukan	Rohana Abdullah
2	Kementerian Sumber Manusia	
3	Kementerian Kesihatan Malaysia	
4	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	
5	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	
6	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	
7	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	

Bil	Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Pegawai yang Perlu Dihubungi
8	Jabatan Perdana Menteri	Ibrahim Arshad
9	Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang)	
10	Kementerian Wilayah Persekutuan	
11	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat	
12	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	
13	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	
14	Suruhanjaya Pilihanraya	
15	Kementerian Kerja Raya	Syamsul Imran Aminuddin
16	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	
17	Kementerian Luar Negeri	
18	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	
19	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	
20	Kementerian Pertahanan	
21	Kementerian Kewangan	Ayman Tan Abdullah
22	Kementerian Pendidikan Malaysia	
23	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	
24	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	
25	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	
26	Kementerian Pengangkutan	Mohd Affendy Abu Kassaim
27	Kementerian Dalam Negeri	
28	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	
29	Istana Negara	Norazmi Abd Sani
30	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	
31	Parlimen Malaysia	
32	Pejabat Penyimpan Mohor Raja-Raja	

Sabah / Sarawak

1	Jabatan Perdana Menteri	Azmi Yusuff Pengurus Cawangan TB: +6016 884 0119 *azmi_yusuff@spanco.com.my*
2	Kementerian Kewangan	
3	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	
4	Kementerian Pengangkutan	
5	Kementerian Sumber Manusia	
6	Pejabat Setiausah Persekutuan Sabah	
7	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	

IMPAK NEGATIF AKIBAT KECUAIAN

KECUAIAN atau kelalaian pengguna / pemandu akan memberi kesan buruk terhadap pengguna / pemandu / jabatan / kementerian yang terbabit sama ada dari segi kos pembaikan, produktiviti kerja dan mengganggu kelancaran tugas.

JENIS KEROSAKAN AKIBAT KECUAIAN UNTUK 5 - 10 TAHUN



- *Kehilangan kunci 1.5%*
- *Memandu tanpa lesen yang sah 1%*
- *Pembaikan tidak sah 7%*
- *Pemandu tidak sah 1.5%*
- *Meredah banjir 89%*

BAGAIMANA KECUAIAN MEMBERI IMPAK KEPADA KEMENTERIAN / JABATAN / PENGGUNA / PEMANDU

KEWANGAN

Semua kes akibat kecuaian akan memberi kesan kepada pemandu atau jabatan/ kementerian dan seterusnya terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Ada juga yang terpaksa ditanggung sendiri oleh pemandu atau pengguna.

HILANG DAYA GUNA

Apabila kereta dibaiki akibat kemalangan, ia akan memberi kesan terhadap kelancaran aktiviti jabatan/kementerian tersebut.

KESAN TERHADAP PRODUKTIVITI

Apabila kereta tidak dapat digunakan, pegawai tidak dapat menjalankan tugas dengan berkesan dan mengakibatkan produktiviti kerja terjejas.

KES-KES SERIUS MELIBATKAN PEMANDU

Untuk kes-kes berkaitan yang melibatkan kehilangan nyawa atau kerosakan harta benda pihak ketiga, pemandu akan menghadapi tindakan disiplin oleh jabatan/kementerian masing-masing. Ini akan memberi impak negatif kepada kerjaya mereka.

KEHILANGAN KUNCI

PUNCA | Apabila kunci utama dan kunci ganti hilang, kes diklasifikasikan sebagai kecuaian.

TANGGUNGAN | SPANCO terpaksa menukar keseluruhan sistem penggera dan membuat set kunci yang baru.

PEMBAIKAN YANG TIDAK DISAHKAN

PUNCA | Pembaikan selepas kemalangan yang tidak dilaporkan kepada SPANCO (lazimnya akibat kemalangan).

TANGGUNGAN | SPANCO terpaksa membaiki semula kereta dan menggantikan dengan alat ganti Proton yang tulen. Kos pembaikan akan ditanggung oleh jabatan/ kementerian yang terbabit.

MEMANDU TANPA LESEN YANG SAH

PUNCA | Pemandu tidak memiliki lesen yang sah (sama ada JPJ, PDRM atau Tentera). Lebih menyukarkan apabila melibatkan kemalangan atau kematian. Segala tanggungjawab akan ditanggung sepenuhnya oleh pemandu.

TANGGUNGAN | SPANCO dan syarikat insurans tidak akan bertanggungjawab dan semua kos pembaikan akan ditanggung oleh jabatan/ kementerian yang terbabit.

PEMANDU YANG TIDAK SAH

PUNCA | Kereta dipandu oleh individu lain yang bukan pengguna itu sendiri atau yang digaji oleh pengguna atau pemandu kerajaan.

TANGGUNGAN | Jika kereta terlibat dengan kemalangan, segala kos akan ditanggung oleh pemandu/jabatan/kementerian.

TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH

PUNCA | Pemandu yang menggunakan dadah atau alkohol dan terlibat dengan kemalangan.

TANGGUNGAN | SPANCO dan syarikat insurans tidak akan melindungi mana-mana kerosakan yang diakibatkan oleh pemandu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

MEREDAH BANJIR

PUNCA | Apabila pemandu tidak peduli dengan memandu meredah banjir, lalu mengakibatkan kereta tersangkut dan enjin rosak atau pecah.

TANGGUNGAN | Semua kos pembaikan akan ditanggung oleh jabatan/kementerian yang terbabit.

PROTON PREVÉ

BUKTI GABUNGAN KECEKAPAN TEKNOLOGI PROTON

PREVÉ diambil daripada istilah Inggeris bermaksud untuk membukti atau menawarkan ketahanan dan ianya sejajar dengan impian PROTON yang ingin menempa kehebatan teknologi terbaharunya di dalam arena pembuatan kenderaan.

Berkongsi *platform* yang sama seperti Exora, Prevé dicipta, direka bentuk dan dibina dengan kerjasama beberapa syarikat terkemuka dunia seiring dengan kehendak pasaran global. Malah, ia menggunakan sehingga 94% komponen dari pembekal-pembekal tempatan.

Di bahagian pemanduan dan pengendalian, PROTON memanfaatkan kepakaran subsidiarinya iaitu Kejuruteraan Lotus di

Prevé Premium juga adalah kenderaan PROTON yang pertama dilengkapi transmisi ProTronic CVT 7-pecutan dilengkapi dengan pedal penganjak yang dipasang pada stereng untuk penukaran gear yang lebih pantas. Dengan gear yang lancar serta penggunaan bahan api yang menjimatkan, ProTonic CVT turut menawarkan satu mode Sport 'S' bagi pemanduan yang lebih bertenaga.

Sebuah hasil kejuruteraan terbaik buat PROTON, Prevé menggunakan teknologi 'Hot Press Forming' (HPF) yang memberikan perlindungan dan struktur kerangka lebih kukuh serta stabil tanpa menjejaskan berat keseluruhan.

Satu lagi ciri uniknya ialah ia dilengkapi 4G, hasil gabungan PROTON dan YES 4G.

samping bekerjasama dengan syarikat-syarikat kejuruteraan dan pembuatan terulung global serta yang mahir dalam bidang penciptaan dan penggayaan.

Prevé juga merupakan model PROTON yang pertama mendapat 5 bintang untuk Program Penilaian Kenderaan Malaysia (MyVAP) yang dinilai oleh Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).

Walaupun bercas turbo, melalui kaedah kitaran gabungan, enjin 1.6 CFE mampu mencecah 6.6 liter bahan api untuk setiap 100km dan tempoh servis setiap 10,000km bagi kos pemilikan yang rendah.

Prevé dianugerahkan 5 Bintang dalam Program Penilaian Kereta Baharu Australasia (ANCAP) setelah menjalani tiga ujian kemalangan - 'frontal offset', impak sisi dan tiang – yang dijalankan oleh makmal pakar bebas di Australia untuk memastikan tahap keselamatan Proton Prevé.

Bagi memperoleh anugerah tertinggi ANCAP itu, Proton Prevé mestilah mencapai standard pengiktirafan antarabangsa tertinggi dalam kesemua kategori ujian yang diberikan.

Kenderaan ini juga dilengkapi dengan sistem Paparan Informasi Bijak (SID) yang memaparkan maklumat penting dan terkini tentang pelbagai fungsi Prevé seperti purata penggunaan bahan api, jarak sebelum tangki kosong, hayat bateri, penunjuk lampu rosak, penunjuk kunci peralihan gear, amaran pencerobohan kenderaan dan lain-lain.

Prevé Premium dikuasakan oleh enjin Kecekapan Bahan Api Tercas (CFE) generasi terbaru PROTON iaitu enjin 1.6 liter yang ringan dan berkuasa turbo bagi membekalkan kuasa dan tork yang setanding enjin 2.0 liter. Loji kuasa 1,600cc menghasilkan 138 kuasa kuda brek pada 5,000rpm dan tork maksimum 205Nm pada 2,000-4,000rpm, untuk menawarkan daya pecutan terbaik bagi kategorinya.

Prevé dilengkapi dengan punat Tekan Mula, lampu LED, Kawalan Kestabilan Elektronik (ESC), Sistem Brek Anti-kunci (ABS), Pengagihan Daya Brek Elektronik (EBD), penyandar kepala boleh laras, tingkap berkuasa anti-perangkap, empat beg udara* dan lain-lain. (*hanya didapati pada model Premium).*

PENYERAHAN KENDERAAN KEPADA PEGAWAI PENYIASAT PDRM

Ipoh

Sg. Petani

Miri

Miri

Sibu

Sibu

Kota Kinabalu

LAWATAN DARI JABATAN PERTANIAN KELANTAN KE PUSAT SERVIS WILAYAH BANGI PADA 30 OKTOBER 2013

Kakitangan Jabatan Pertanian Kelantan bergambar kenangan bersama Pengurus Perkhidmatan Pengurusan Pelanggan SPANCO, Shaheeran Jalalludin (tengah) dan Pengurus Cawangan Bangi, Tuan Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim.

Tuan Haji Mohd Wazir (di hadapan skrin) menerangkan mengenai aliran kerja bagi kereta-kereta yang dibawa masuk untuk diservis.

Pelawat melihat dan meninjau operasi woksyop bermula dari kereta dibawa masuk hinggalah siap diservis dan dibersihkan.

MENGERAT SILATURAHIM BERSAMA-SAMA KELUARGA SPANCO DI A'FAMOSA RESORT, MELAKA

SUMBANGAN KEPADA BEKAS RAKAN SEKERJA SPANCO, ENCIK JAMRUS BIN MOHD HUSSAIN

Baru-baru ini, SPANCO telah melawat dan memberi sedikit sumbangan kepada Encik Jamrus bin Mohd Hussain yang mengidap serangan jantung dan strok. Bekas pemandu peribadi kepada Pengerusi, YBhg Dato' Osman bin Mohd Zain ini telah berkhidmat selama 14 tahun di SPANCO.

Pulau-Pulau di Terengganu

SYURGA DESTINASI PERCUTIAN ANDA!

Kebiruan laut jernih seakan bercantum indah dengan kepulan awan biru, menyuntik kenikmatan semula jadi yang amat mendamaikan. Persisiran pantai yang tenang disulami deruan ombak kecil serta percikan pasir putih lembutnya pastinya membuai ketenangan. Lebih indah lagi meneroka hidupan semula jadi di dasar laut yang dikelilingi hidupan laut dan karang indah yang memukau, menjadikan kepulauan di Terengganu impian destinasi percutian sesiapa sahaja.

TERENGGANU merupakan negeri yang penuh keajaiban dan kaya dengan kebudayaan serta warisan tradisionalnya. Negeri yang dikenali sebagai 'Permata Pantai Timur' ini juga terkenal dengan koleksi pulau-pulau indah lagi mempesonakan yang menjadi tarikan utama pelancongannya. Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Kapas dan Pulau Gemia antara pulau-pulau yang sering menjadi tumpuan destinasi percutian pelancong luar dan tempatan.

Pulau Perhentian terletak 21km dari pantai Terengganu merupakan salah satu pulau tercantik di dunia. Terkenal dengan jolokan syurga marin Malaysia dan merupakan sebahagian daripada Taman Laut

Negara Malaysia, pulau ini terbahagi kepada dua iaitu Perhentian Besar dan Perhentian Kecil yang dilengkapi dengan tarikan keistimewaan masing-masing. Dikelilingi hutan semula jadi tropika dan eksotiknya serta persisiran pantai berpasir putih dan air laut biru nilanya amat sesuai untuk mengalami pengalaman menyelam scuba sambil menikmati taman karang berwarna-warni, memancing laut dalam dan menjalani aktiviti berkayak, sukan luncur angin dan berlayar yang disediakan. Di sini juga anda boleh menonton penyu bertelur di enam pantai berpasir iaitu Tanjung Gantung, Pasir Pengalau, Pasir Tiga Ruang, Tanjung Tiga Ruang, Tanjung Tukas Laut dan Tanjung Pinang Seribu.

Snorkeling, meluncur angin, berlayar dan menyelam skuba antara aktiviti popular mengungkap keindahan pulau-pulau indah ini.

Pulau Redang merupakan salah satu pulau yang paling popular di Malaysia dan dunia. Ia bukan hanya antara pulau tercantik di dunia malah kawasan Pulau Redang telah digazet sebagai taman laut dan antara yang terbaik di Malaysia. Terletak 50km di luar pantai Terengganu, Pulau Redang terbahagi kepada empat destinasi utama pelancongan iaitu Teluk Kalong, Teluk Bakau, Pasir Panjang dan Teluk Dalam. Terkenal dengan kebiruan air lautnya dan pasir pantai yang putih, lembut dan halus menjadikan ia sebagai salah satu destinasi pelancongan yang paling digemari. Malah, keindahan taman laut yang kaya dengan pelbagai jenis hidupan laut beraneka bentuk dan warna serta terumbu karang yang indah menjadikan pulau ini sangat popular dengan aktiviti snorkeling yang boleh dilakukan hanya di persisiran pantai. Selaman scuba juga antara aktiviti yang menjadi pilihan di Pulau Redang selain aktiviti sukan air seperti 'ski air', skuter air dan permainan bola tampar di persisiran pantai.

Pulau Kapas dan Pulau Gemia terletak di Marang, 18km dari Kuala Terengganu. Kedua-dua pulau ini dipisahkan oleh selat sempit di luar pantai daerah Marang. Hanya 6km dari jeti Marang, ia mengambil masa 10 minit dengan bot laju untuk ke pulau ini. Kaya dengan panorama yang unik, ia turut mempunyai jaluran pantai yang cantik dengan air kebiruan dan pasir yang halus. Anda boleh mengalami sendiri pengalaman mencandat sotong pada waktu malam sebagai salah satu aktiviti menarik di sini. Malah, sebagai sebahagian daripada taman laut, anda juga boleh menikmati kehidupan laut dan pembentukan karang yang mempesonakan. Malah, jika bernasib baik anda boleh melihat spesies penyu Agar bertelur di Pulau Gemia. Snorkeling, trekking dan berkayak turut menjadi aktiviti popular di kedua-dua pulau menarik ini.

Selain itu, Pulau Tenggol, Pulau Lang Tengah, Tasik Kenyir dan Rhu Hentian merupakan antara destinasi percutian lain di Terengganu yang mesti dikunjungi. Terokailah dan alamilah sendiri keindahan semula jadi Terengganu, Negeri Cantik Budaya Menarik ini.

Jika bernasib baik, kita boleh melihat habitat penyu yang kian pupus ini di Terengganu.

KANSER
CEGAH SEBELUM TERLEWAT!

Kanser atau barah adalah penyakit sel yang disebabkan oleh pertumbuhan sel-sel tisu badan yang tidak normal. Apabila dikesan lebih awal, peluang untuk pulih adalah lebih cerah. Pencegahan juga sudah semestinya lebih baik daripada mengubatinya.



...statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan **12 JUTA ORANG AKAN MATI AKIBAT KANSER** pada tahun 2030.

KANSER, salah satu penyakit yang paling ditakuti dan boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa mengira jantina mahupun usia. Sehingga ke hari ini, kanser masih menjadi penyebab utama kematian di seluruh dunia. Di Malaysia, penyakit kanser didapati semakin meningkat ekoran kurangnya kesedaran mengenainya dan kurangnya keberkesanan langkah pencegahan.

Menurut Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, kanser juga merupakan penyebab kematian keempat yang berlaku di hospital kerajaan di seluruh negara sepanjang tahun 2011. Ia menyumbang sebanyak 11.2 peratus daripada keseluruhan kematian dengan kanser paru-paru mewakili 17.5 peratus, kanser payudara (10.2 peratus) dan kolorektal (8.5 peratus).

Beliau berkata, statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan 12 juta orang akan mati akibat kanser pada tahun 2030.

Tanda-tanda dan gejala

Gejala boleh dibahagikan kepada tiga kategori berasingan iaitu tempatan, metastasis dan sistemik.

- Tanda-tanda tempatan adalah yang pertama berlaku iaitu terdapat ketulan luar biasa atau pembentukan tumor, pendarahan, ulser dan kesakitan.

- Tanda-tanda metastasis menyatakan bahawa sel-sel tidak normal telah merebak dan ditunjukkan dengan batuk, hemoptisis atau batuk berdarah, pembesaran hati, gejala neurologi, pembesaran nodus limfa dan kesakitan tulang.

- Tanda-tanda sistemik menunjukkan kanser telah merebak ke hampir semua bahagian tubuh dan menjejaskan organ-organ utama dan sistem secara keseluruhan. Lemah tubuh badan, kurang selera makan, hilang berat

Faktor-faktor risiko

- Kemungkinan besar disebabkan oleh tabiat gaya hidup dan rekreasi atau bahan-bahan dalam alam sekitar yang mempengaruhi badan.

.....

- Faktor-faktor lain yang dikenal pasti berisiko tinggi termasuklah merokok, tidak aktif, berat badan berlebihan, pemakanan yang tidak sihat serta pengambilan alkohol.



5 jenis kanser yang paling kerap dikesan di kalangan lelaki dan wanita Malaysia.



Pencegahan

- **Jangan merokok atau berhenti merokok akan mengurangkan risiko anda untuk menghidap kanser.**

- **Lakukan senaman atau aktiviti aktif tiga kali seminggu selama 30 minit setiap hari.**
- **Makan banyak sayur-sayuran, buah-buahan dan serat (oat, beras perang, bijirin dan lain-lain).**

- **Makan makanan rendah lemak, gula dan garam.**
- **Elakkan pengambilan alkohol.**
- **Minum sekurang-kurangnya 8 gelas air kosong setiap hari.**

- **Pastikan berat badan yang sihat.**

badan, diaphoresis atau berpeluh malam, anemia, pembekuan darah dan hormon yang tidak normal adalah antara tanda-tanda biasa yang terjadi. Lain-lain gejala yang ketara termasuklah kabur penglihatan, mudah letih, sakit kepala, demam, loya dan muntah-muntah.

Lebih dari 30 peratus kanser seperti kanser payudara, serviks, kolon, paru-paru dan kolorektal boleh disembuhkan jika dikesan awal dan mendapat rawatan yang sewajarnya. Kajian juga mendapati 80 hingga 90 peratus pesakit kanser datang dari keluarga yang tidak mempunyai sejarah menghidap kanser.

Namun begitu, kanser bukanlah penyakit berjangkit dan peratus kematian boleh dikurangkan sekiranya ia dikesan lebih awal dan mendapat rawatan segera.



Simbol

KEDAH - PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - ALOR SETAR

PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR

LOT 10 & 11
JALAN GANGSA
05150 ALOR SETAR, KEDAH
T: 04-733 8187 / 8193 / 1132
F: 04-730 1296

JURUTEKNIK: 20 ORANG
PETAK SERVIS: 22
HOIST: 20

Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

KEDAH - SAM SOON AUTOMOBILE SERVICES SDN BHD

SAM SOON AUTOMOBILE SERVICES SDN BHD

1473 BATU 1 ¼, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH.
T: 04-733 5648 F: 04-734 9309

JURUTEKNIK: 10 ORANG
PETAK SERVIS: 12
HOIST: 4

PERLIS - SCH AUTO SERVICE (PERLIS) SDN BHD

WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR
SCH AUTO SERVICE (PERLIS) SDN BHD

NO 46-C JALAN PEGAWAI
OFF JALAN SEKOLAH DERMA
01000 KANGAR, PERLIS.
T: 04-976 4330
F: 04-976 1689

JURUTEKNIK: 5 ORANG
PETAK SERVIS: 6
HOIST: 3

Mencelah-celah di jalan raya tidak menjimatkan masa. Ia membazirkan nyawa.

Jangan Mencelah-celah. Ikut Lorong Anda.
Anda Mampu Mengubahnya.

Sanggupkah anda menggadai nyawa hanya untuk menjimatkan beberapa minit? Kerana itulah yang akan terjadi bila anda mencelah-celah di jalan raya. Anda mungkin tidak akan sampai ke destinasi lebih awal atau dengan selamat. Malah anda mungkin tidak akan sampai langsung. Kenapa ambil risiko sebegini? Mencelah-celah di jalan raya adalah tabiat yang boleh diubah. Pilihlah untuk menunggang dengan selamat.
Layari **www.jkjr.gov.my** untuk mengetahui lebih lanjut.

JKJR
JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

MINISTRY OF TRANSPORT
MOT